



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**  
**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**  
Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)

Ruj. Kami : JPA(I)S.178/1/5-9/3 Klt.2 (8)

Tarikh : 6 November 2020 / 20 Rabiulawal 1442H

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELAWAAN JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) YOUNG LEADERS' PROGRAM (YLP) SCHOLARSHIPS FOR 2021**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, *Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT)*, Jepun telah menawarkan penajaan biasiswa bagi pengajian peringkat Sarjana di Jepun di bawah **Japanese Government (Monbukagakusho: MEXT) Young Leaders' Program (YLP) Scholarships for 2021**. Tawaran biasiswa ini adalah melibatkan tempoh pengajian selama setahun bermula dari **Oktober 2021 sehingga September 2022** dalam kursus-kursus seperti berikut:

- i) **Kursus Perundangan (Sarjana Perundangan)** di Kyushu University;
- ii) **Kursus Sekolah Kerajaan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)** di National Graduate Institute for Foreign Policy (GRIPS); atau
- iii) **Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)** di National Graduate Institute for Foreign Policy (GRIPS)

3. Sehubungan itu, Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk **mengemukakan pencalonan daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang berminat, bersesuaian dan berkelayakan berdasarkan syarat seperti di **Lampiran 1** untuk mengikuti mana-mana pengajian tersebut di bawah program penajaan biasiswa ini.

4. Di samping itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga dipohon untuk mengambil maklum dan mengikuti tatacara pencalonan seperti di **Lampiran 2** serta mematuhi tarikh-tarikh penting bagi pencalonan program penajaan biasiswa ini iaitu:

BIL.	PERKARA	TARIKH
i.	Permohonan secara atas talian oleh pegawai melalui pautan <a href="http://esilav2.jpa.gov.my">http://esilav2.jpa.gov.my</a>	6 November 2020 hingga 4 Disember 2020
ii.	Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan melalui PPSM	11 Disember 2020

5. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung program ini, unit penyelaras yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

**Penyelaras :**      Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan  
**Bahagian Pembangunan Modal Insan, JPA**  
**No. Telefon :**      03 – 8885 3053 / 3438  
**Emel :**                [penawaranldp@jpa.gov.my](mailto:penawaranldp@jpa.gov.my)

6. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(AZURA BINTI AZIZ)  
 Bahagian Pembangunan Modal Insan  
 b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

## SYARAT-SYARAT

### JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) YOUNG LEADERS' PROGRAMME (YLP) SCHOLARSHIPS FOR 2021

- (a) Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (b) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan semasa** pada tarikh tutup permohonan.
- (c) Berumur **tidak melebihi 40 tahun pada 1 Oktober 2021** (lahir pada atau selepas 2 Oktober 1981);
- (d) Mencapai purata markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **85 markah ke atas** bagi tempoh **genap 3 tahun** **skim perkhidmatan** terkini berturut-turut (2017, 2018 & 2019). Penilaian setahun LNPT **wajib genap 12 bulan**;
- (e) Kursus yang diikuti adalah berkaitan dan bersesuaian dengan bidang tugas dengan pengalaman / tempoh perkhidmatan seperti berikut:

Bidang	Tempoh Perkhidmatan Minimum (sehingga 1 Oktober 2021)
Sekolah Perundangan (Sarjana Perundangan)	4 tahun pengalaman dalam hal ehwal perundangan
Kursus Sekolah Kerajaan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)	3 tahun dalam bidang pentadbiran awam
Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)	3 tahun dalam bidang pentadbiran awam

- (f) Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai kelayakan akademik tertinggi semasa pegawai;
- (g) Tidak berkhidmat dalam perkhidmatan angkatan tentera;

- (h) Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik dengan skor minima seperti berikut:
- i) **Kursus Perundangan (Sarjana Perundangan)** - TOEFL 550/TOEFL-iBT 80 / IELTS 6.0 atau yang setaraf;
  - ii) **Kursus Sekolah Kerajaan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)** - TOEFL-iBT 79 / IELTS 6.0 atau yang setaraf; atau
  - iii) **Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)** - TOEFL-iBT 79 / IELTS 6.0 atau yang setaraf;
- (i) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/ pendek seperti berikut:

<b>Tempoh Kursus</b>	<b>Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2021)</b>
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (j) Telah mengisyiharkan harta;
- (k) Bersih daripada pertuduhan/ tindakan tata tertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (l) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- (m) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti;
- (n) Memiliki tahap kesihatan yang baik serta bebas daripada penyakit berjangkit; dan
- (o) syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh pihak penaja (Kerajaan Jepun) seperti mana di dalam garis panduan permohonan program yang berkaitan.

## TATACARA PENCALONAN

### JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) YOUNG LEADERS' PROGRAMME (YLP) SCHOLARSHIPS FOR 2021

Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat **semakan yang teliti** dan **memberi sepenuh perhatian** kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di **Lampiran 1**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan melalui Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM)<sup>1</sup> masing-masing untuk memperakarkan pegawai-pegawai yang **berminat, bersesuaian serta berkelayakan** berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.

Permohonan dengan dokumen yang **tidak lengkap dan tidak dikemukakan** melalui PPSM masing-masing serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan secara automatik **TIDAK AKAN DIPROSES UNTUK TUJUAN PERTIMBANGAN**.

Jabatan ini **berhak menolak pencalonan / permohonan** yang didapati tidak mematuhi ketetapan yang digariskan. Keputusan pemilihan akhir oleh Jabatan ini adalah **muktamad** dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

#### A) TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

- i) Pegawai yang berminat dan berkelayakan dikehendaki membaca dan memahami isi kandungan garis panduan permohonan *Japanese Government (MEXT) Scholarship* berdasarkan kategori yang berkaitan iaitu *School of Government, Law* atau *School of Local Governance* sebelum membuat permohonan.
- ii) Di samping itu, pegawai yang berminat dan berkelayakan juga hendaklah melengkapkan borang permohonan (**LAMPIRAN A**) secara atas talian bermula dari **6 November 2020 sehingga 4 Disember 2020** melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>.

<sup>1</sup> PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing tanpa mengira Kementerian/Jabatan/Agensi penempatan pegawai kecuali bagi pegawai perkhidmatan gunasama (PTD, PLV dan PPSi) yang mana PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh pegawai pengawal Kementerian masing-masing sahaja walaupun pegawai ditempatkan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian berkaitan.

- iii) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun, dicetak dan ditandatangani oleh pegawai**. Terdapat ruangan perakuan Ketua Jabatan selepas ruangan tandatangan pegawai yang mana memerlukan **maklumat perkhidmatan pegawai dilengkapkan, disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan**<sup>2</sup> masing-masing. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.

Nota : **Tanggungjawab pegawai** untuk menyemak dan memastikan segala maklumat di ruangan perakuan Ketua Jabatan tersebut **dilengkapkan sepenuhnya tanpa ada sebarang keciciran** sebelum borang pemohonan lengkap tersebut dikemukakan kepada urusetia Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing.

- iv) Borang permohonan yang lengkap tersebut perlu dikemukakan kepada urusetia PPSM masing-masing bersama-sama dengan **dokumen-dokumen sokongan** yang berkaitan mengikut **bilangan dan tatacara penyediaannya** seperti berikut:

- a) Dokumen sokongan untuk program Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam;

Sila rujuk muka surat 4 – 6 dalam garis panduan permohonan *Japanese Government (MEXT) Scholarship for 2021 Young Leaders' Program (YLP) Student (School of Government)*

- b) Dokumen sokongan untuk program Sarjana Perundangan di Kyushu; atau

Sila rujuk muka surat 4 – 5 dalam garis panduan permohonan *Japanese Government (MEXT) Scholarship for 2021 Young Leaders' Program (YLP) Student (Law)*

- c) Dokumen sokongan untuk program Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam.

Sila rujuk muka surat 4 – 6 dalam garis panduan permohonan *Japanese Government (MEXT) Scholarship for 2021 Young Leaders' Program (YLP) Student (School of Local Governance)*

---

<sup>2</sup> Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya pegawai di peringkat mengetuai sesuatu bahagian di mana pegawai ditempatkan seperti Pengarah / Setiausaha Bahagian dsb.

**B) TANGGUNGJAWAB PANEL PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (PPSM)**

- i) Semua permohonan hendaklah dipertimbang dan diperakukan oleh **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Hanya pencalonan yang **disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja** perlu dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk saringan dan pemilihan lanjut.
- ii) Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab urusetia PPSM untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
  - a) Melengkapkan borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);
  - b) **Memastikan maklumat perkhidmatan** yang telah dilengkap di ruangan perakuan Ketua Jabatan di dalam borang permohonan (**LAMPIRAN A**) **adalah tepat dan benar** serta **telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan** masing-masing. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.
  - c) Pencalonan yang dikemukakan kepada BMI, JPA hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:
    - i. Dokumen-dokumen seperti di perenggan A) iii) dan iv); dan
    - ii. Dokumen-dokumen seperti di perenggan B) ii) a).
- d) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini selewat-lewatnya pada **11 Disember 2020** melalui alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Aras 3, Blok C2, Kompleks C  
62510 PUTRAJAYA.

**(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)**